

14 NOV 2002

MAHATHIR-ASIA TIMUR/I

ASIA TIMUR PATUT BERSUARA SENADA, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 14 Nov (Bernama) -- Negara-negara Asia Timur harus bersatu bagi mewujudkan satu kumpulan berpengaruh untuk bersuara dengan satu nada pada forum antarabangsa, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Cadangan bagi mewujudkan sebuah komuniti Asia Timur, yang hanya menunggu masa untuk menjadi kenyataan, akan mengumpul kekuatan bagi negara-negara anggotanya sepertimana Kesatuan Eropah (EU) atau Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA), katanya pada majlis dialog dengan 31 ahli Kelab Akhbar Kebangsaan Jepun di sini, hari ini.

Katanya, apabila perkumpulan atau komuniti itu diwujudkan, mungkin akan ada permintaan kepadanya untuk mewujudkan mata wang bersama.

Sebagai permulaan, mungkin mata wang tunggal boleh digunakan bagi perdagangan antarabangsa dan jika ia berjaya, ia juga boleh digunakan bagi tujuan domestik, katanya.

Perdana Menteri, bagaimanapun, merasakan bahawa tidak mudah mewujudkan mata wang bersama kerana ia akan mengambil masa yang panjang untuk menjadi kenyataan.

Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia telah berjaya setelah menerima pakai dasar "Pandang Ke Timur".

"Kita perlu belajar daripada pengalaman Jepun dalam menangani kelembapan ekonomi. Jika Jepun gagal, kita perlu belajar daripada kegagalannya agar kita tidak mengulanginya," katanya.

Menyentuh tentang hubungan Jepun-Korea Utara, Dr Mahathir berkata, Malaysia menyambut baik usaha untuk memperbaiki hubungan antara kedua-dua negara.

"Ini boleh dilakukan jika kedua-dua pihak sanggup duduk berbincang dan menyelesaikan masalah mereka," tambahnya. -- BERNAMA

ANA LES AHH SHY KY ZK